

### PELAWAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan pembekal yang berdaftar dengan MQA** yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia (dahulu dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU)), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah tempohnya dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan untuk mengemukakan sebut harga seperti berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Kelayakan	Tarikh Pelawaan	Tarikh Tutup
6/2021	Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Penyaman Udara Jenis Unit Berasingan ( <i>Aircond Split Unit</i> ) Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya Bagi Tempoh Enam (6) Bulan	<p>(a) Kontraktor hendaklah mempunyai <b>Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)</b>;</p> <p>(b) <b>Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dalam Gred G1:</b></p> <p><b>Kategori Mekanikal dan Elektrikal (M) dan Pengkhususan: M01</b> – sistem hawa dingin dan pengedaran udara.</p> <p>(c) <b>Sijil Taraf Bumiputera (STB)</b> yang sah dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia.</p> <p>(d) <b>Hanya pembekal yang berdaftar sahaja akan dipelawa untuk menyertai sebut harga ini; dan</b></p> <p>(e) <b>Pembekal yang belum berdaftar perlu berdaftar dengan MQA di <a href="http://www2.mqa.gov.my/pembekal/">http://www2.mqa.gov.my/pembekal/</a> selewat-lewatnya 30 Mac 2021 (Selasa) sebelum jam 12.00 tengah hari.</b></p>	24 Mac 2021 (Rabu)	30 Mac 2021 (Selasa), Jam 12.00 tengah hari

2. Selaras dengan Wabak Covid-19 yang sedang melanda negara ketika ini, MQA tidak akan mengadakan taklimat sebut harga namun akan mengadakan lawatan tapak.
3. Pembekal yang berminat untuk menyertai sebut harga ini **wajib** untuk menghadiri **lawatan tapak** sebut harga ini. **Mohon bawa bersama borang Senarai Semak Pelawaan Sebut Harga yang telah dilengkapkan semasa hadir taklimat.** Senarai Semak Pelawaan Sebut Harga ini boleh dicetak menerusi portal MQA [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my).

**Lawatan tapak** akan diadakan pada:

**Tarikh : 23 Mac 2021 (Selasa)**  
**Masa : 9.30 pagi**  
**Tempat : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**  
**Mercu MQA**  
**No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5**  
**63000 Cyberjaya**  
**Selangor**

Pembekal yang hadir **wajib** mematuhi **Garis Panduan dan Operasi Standard (SOP)** yang ditelah ditetapkan iaitu:

- a) **wajib** memakai topeng muka (*face mask*);
  - b) penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain; dan
  - c) penggunaan *hand sanitizer*.
4. **Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada wakil syarikat yang sah sahaja.** Untuk maksud ini, **wakil syarikat dikehendaki membawa perakuan/sijil asal dan satu salinan yang masih dalam tempoh sah laku semasa hadir lawatan tapak tersebut.**
  5. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan **hendaklah diemelkan atau melalui serahan tangan kepada urusetia.** Pembekal juga perlu memastikan setiap **emel berserta dokumen sokongan** yang dihantar kepada pegawai MQA **tidak melebihi saiz 10MB** sahaja. Emel berasingan boleh diterima sekiranya saiz dokumen melebihi kapasiti tersebut.
  6. Pembekal dinasihatkan untuk menghubungi urus setia setelah mengemukakan dokumen yang berkaitan ke alamat emel berikut:

<b>Nama pegawai</b>	<b>No. Telefon</b>	<b>Alamat emel</b>
Puan Nida-Ulhayat Binti Rosali	03-8688 1928	<a href="mailto:nidaulhayat@mqa.gov.my">nidaulhayat@mqa.gov.my</a>
Puan Nur Jannati Binti Anuar	03-8688 1929	<a href="mailto:jannati@mqa.gov.my">jannati@mqa.gov.my</a>

7. Tawaran sebut harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup pelawaan iaitu **pada 30 Mac 2021 (Selasa) selepas jam 12.00 tengah hari** tidak akan dipertimbangkan.
8. **Sebarang perubahan terhadap dokumen sebut harga adalah tidak dibenarkan dan dilarang.** Sekiranya terdapat bukti perubahan terhadap dokumen telah dibuat, pembekal akan disenarai hitam oleh pihak MQA dan tidak akan dibenarkan untuk menyertai sebarang perolehan dengan MQA pada masa akan datang.
9. **Pembekal dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butiran dokumen sebut harga** sebelum mengemukakan tawaran dan menjadi tanggungjawab pembekal untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak MQA.
10. Pegawai MQA atau ahli keluarga atau saudara terdekat mereka adalah dilarang daripada menyertai sebut harga ini. Pembekal yang menyertai tawaran ini hendaklah memastikan tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga terdekat dengan pegawai MQA.
11. Keputusan sebut harga adalah **MUKTAMAD** dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
12. Sekiranya pihak tuan tidak menerima sebarang maklum balas daripada pihak MQA dalam tempoh 45 hari dari tarikh tawaran ini ditutup, permohonan tuan dianggap tidak berjaya.